

Headline **Tidak ramai tahu urus jenazah**  
Date **05 Aug 2010**  
MediaTitle **Sinar Harian (Pahang)**  
Section **NEWS**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**  
Page No **P17**  
Article Size **301 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **1,656**  
PRValue **4,967**



# Tidak ramai tahu urus jenazah

Organisasi dalam komuniti digalak anjur kursus pengurusan jenazah libat golongan belia

**BERA** – Kekurangan tenaga muda yang boleh menguruskan jenazah menjadi faktor kepada keperluan mengadakan kursus pengurusan jenazah yang lebih kerap di daerah ini.

Pegawai Agama Islam Daerah, Muhammad Yusri Aman berkata, setiap organisasi dalam komuniti masyarakat sama ada di kawasan tempat tinggal mahupun di tempat kerja, diminta mengadakan kursus itu dari semasa ke semasa.

Menurutnya, kekurangan tenaga muda dalam pengurusan jenazah di daerah ini membimbangkan lebih-lebih lagi golongan veteran yang sering menguruskan fardu kifayah itu semakin berkurangan.

“Kita memerlukan tenaga muda sebagai pelapis. Kalau boleh, semua belia mengikuti kursus jenazah yang diadakan supaya dapat menimba ilmu pengetahuan mengenai perkara ini.

“Lagi elok, mereka dapat membantu mengurus jenazah keluarga sendiri tanpa perlu mengharapkan bantuan orang luar,” katanya kepada Sinar Harian pada Program Pengurusan Jenazah yang disertai 180 belia, di sini.

Muhammad Yusri berkata, masih terdapat golongan belia yang cuba mengelak untuk menguruskan jenazah ahli keluarga sendiri sehingga terpaksa mengupah orang luar.

Katanya, dalam hal ini, semua pihak perlu mengambil inisiatif supaya ilmu itu dapat disalurkan secara berterusan.

Beliau berkata, masyarakat juga perlu mengetahui

Headline **Tidak ramai tahu urus jenazah**  
Date **05 Aug 2010**  
MediaTitle **Sinar Harian (Pahang)**  
Section **NEWS**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**  
Page No **P17**  
Article Size **301 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **1,656**  
PRValue **4,967**

kaedah pengurusan jenazah berisiko iaitu jenazah yang mempunyai penyakit HIV atau AIDS.

“Sebenarnya tidak banyak beza menguruskan jenazah ini, namun ramai yang cuba mengelak kerana bimbang dijangkiti.

“Perkara itu tidak mungkin berlaku jika mereka mengikuti kursus secara teori dan amali kerana ia turut menitikberatkan keselamatan kepada mereka yang menguruskan jenazah berisiko,” katanya.

Beliau berkata, organisasi mesti bersama-sama dengan pihak Pejabat Agama Islam Daerah dan Pejabat Kesihatan Daerah mengadakan kursus secara berterusan supaya lebih ramai belia tahu menguruskan jenazah.



■ Peserta diberikan latihan secara amali cara menguruskan jenazah berisiko dalam kursus pengurusan jenazah baru-baru ini.